

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN

MAJLIS PELANCARAN SMART RECYCLE BIN



Majlis pelancaran **Smart Recycle Bin** telah disempurnakan oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Kompleks Sukan Wawasan, Subang Jaya pada 17 Ogos 2017. Majlis ini diadakan bersempena dengan Majlis Pelancaran Modul Pengajaran dan Pembelajaran Pengurusan Sisa Pepejal dan Amalan 3R Merentas Kurikulum Pra-Sekolah. **Smart Recycle Bin** merupakan satu ciptaan teknologi yang mampu mengumpul bahan-bahan kitar semula secara elektronik berdasarkan sistem ganjaran. Kerjasama antara Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pengurusan Awam (SWCorp) dengan UTHM menerusi gabungan dua (2) fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAS) yang diketuai oleh Profesor Madya Dr. Aeslina Abdul Kadir dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) yang diketuai oleh Dr. Mohd. Razali Md. Tomari .



AUDIT VERIFIKASI ASET DAN INVENTORI

Audit Verifikasi Aset dan Inventori bagi beberapa Pusat Tanggungjawab (PTj) di bawah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah dilaksanakan pada 14 & 23 Ogos 2017. Proses verifikasi berkenaan meliputi pemeriksaan ke atas fizikal, rekod dan penempatan aset & inventori. Pada 14 Ogos 2017, proses verifikasi telah dilakukan di Pusat Kecemerlangan MiNT-SRC dan RECESS. Manakala pada 23 Ogos 2017 pula, proses verifikasi dilaksanakan di Pusat Kecemerlangan AMMC dan EMCenter. Terdapat dua kumpulan pemverifikasi yang diketuai oleh En. Anuar Raze Abd. Rahim (RMC) dan En. Amirul Syafiq Mohamad Raus (I²E), yang mana setiap kumpulan disertai oleh lima (5) ahli verifikasi. Di antara objektif audit ini adalah untuk mengetahui keadaan serta memastikan aset dan inventori berkenaan mempunyai daftar rekod yang lengkap dan tepat.



LAWATAN COE KE HARTA PACKAGING INDUSTRIES SDN. BHD.



Pada 21 Ogos 2017 satu lawatan kerjasama ke Syarikat Harta Packaging Industries Sdn. Bhd, Parit Raja telah diadakan oleh Pusat-Pusat Kecemerlangan (CoE). Lawatan ini bertujuan untuk memperkenalkan Pusat Kecemerlangan UTHM di samping berbincang untuk mengadakan kerjasama industri. Delegasi UTHM diketuai oleh Pengarah Pejabat Hubungan Universiti dan Industri (PHUI), Profesor Madya Dr. Mohd Ezree Abdullah. Turut serta adalah Profesor Madya Dr. Nik Hisyamudin Muhd Nor, Timbalan Pengarah, Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (IICC) serta Penyelidik-Penyelidik Utama CoE.